

## EP MANUFACTURING CATAT KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI RENDAH

KUALA LUMPUR, 29 Feb (Bernama) -- EP Manufacturing Bhd mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM29.65 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Dis, 2011, sembilan peratus lebih rendah daripada RM32.47 juta pada 2010.

Pendapatan susut dua peratus kepada RM577.14 juta daripada RM587.52 juta, kata syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini. Bagaimanapun, keuntungan bersih meningkat 48 peratus kepada RM38.08 juta daripada RM25.69 juta.

Pengerusi Eksekutifnya Hamidon Abdullah berkata di masa hadapan, kumpulan menjangkakan lantunan semula jumlah kuantiti industri berterusan hingga ke separuh pertama tahun ini.

"Pengenalan model baharu Proton dan jualan kukuh yang berterusan daripada model Proton Saga FL dan Perodua Myvi juga akan memberi manfaat kepada potensi pendapatan kami. Kami juga menjangka eksport kami ke pasaran Timur Tengah bertambah baik sejajar dengan pemulihan dalam industri automotif di rantau ini," katanya.